



## Aktiviti PAK-21

**Aktiviti:** Pengenalan Perpuluhan dan Pecahan Juta

**Arahan:**

- 1 Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada 4 orang murid.
- 2 Setiap kumpulan hendaklah menyediakan jadual seperti di bawah :

Nombor bulat	Perpuluhan juta	Pecahan juta

- 3 Guru akan memberi nombor bulat atau perpuluhan juta atau pecahan juta kepada kumpulan lain untuk melengkapkan jadual tersebut.
- 4 Kumpulan yang paling cepat mendapat jawapan hendaklah mengangkat tangan dan membincangkan jawapan mereka dengan kelas.
- 5 Kumpulan yang mendapat jawapan paling cepat dan tepat akan mendapat markah daripada guru.
- 6 Kumpulan yang mendapat markah yang tertinggi dikira sebagai pemenang.

Contoh hasil kerja :

Nombor bulat	Perpuluhan juta	Pecahan juta
3 450 000	3.45 juta	$3\frac{9}{20}$ juta
7 180 000	7.18 juta	$7\frac{9}{50}$ juta
4 120 000	4.12 juta	$4\frac{3}{25}$ juta